

TEPAT & TERKINI

KERTAS PERSEDIAAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Berdasarkan


Tingkatan

1

KSSM

JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

Bahasa Melayu (02)



1 Set Ujian Awal Tahun

1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik

3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

[MODEL]

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Tingkatan 1

Bahasa Melayu (02/2)

1 jam

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
B	1	30	
Jumlah		40	

BAHAGIAN B

[30 markah]

- 1 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

(i) Encik Harun melintas jambatan itu dengan berhati-hati kerana kayunya sudah repot.

(ii) Abang Qamarul terpaksa menghadkan perbelanjaannya ketika dia menyambung pelajaran ke universiti luar negara.

[2 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Lagu nasyid ini dicipta oleh saya dengan bimbingan Cikgu Basri.

(ii) Kempen itu diadakan ialah untuk menggalakkan orang ramai menderma darah.

[2 markah]

- 3 Baca ayat-ayat di bawah ini dengan telitinya. Kenal pasti subjek dan predikat dalam ayat-ayat tersebut. Kemudian, tulis subjek dan predikat pada ruang yang disediakan.

(i) Setiap murid perlu mengemukakan pendapat dalam perbincangan itu.

Subjek: _____

Predikat: _____


(ii) Kemenangan pasukan bola sepak sekolah kita merupakan hasil usaha semua pemain.

Subjek: _____


Predikat: _____

[4 markah]

- 4 Lihat bahan di bawah ini dengan telitinya.
Berdasarkan bahan tersebut, tulis bandingan semacam yang sesuai.



(i) _____



(ii) _____

[2 markah]

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BAHAN 1

“Cikgu, nak hadiah apa pada hari Guru nanti?” tanya Azizah pada suatu hari di bilik guru.

“Cikgu tak nak hadiah apa-apa daripada kamu. Cukuplah dengan kejayaan kamu yang cemerlang dalam UPSR nanti,” kata Cikgu Zaleha dengan lembut dan tenang.

“Saya tetap akan memberi cikgu satu hadiah yang cukup istimewa,” janji Azizah pagi itu.

“Tak payahlah Zizah, menyusahkan kamu saja.”

“Tak apa, akan saya belikan juga hadiah yang menarik.”

Dipetik daripada cerpen ‘Hadiah’,
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

BAHAN 2

“Tidak!” jerit Mak Sopiah, Razali tidak boleh pergi dari rumah ini? Ke manalah dia nak pergi, bang? Kasihanilah anak saya,” rayu Mak Sopiah. Tangisan Mak Sopiah semakin menjadi-jadi.

“Dia mesti pergi! Pergi! Jerkah Pak Zakaria. Hati Pak Zakariah tidak mudah lemah dengan rayuan Mak Sopiah tadi.

“Tidak, bang! tegas Mak Sopiah sambil mendakap tubuh Razali dengan erat, “Jika Razali pergi, saya juga akan pergi dari rumah ini! Saya akan ikut anak saya ini walau ke mana dia pergi!”

Pak Zakaria memandang tepat ke wajah Mak Sopiah. Dia terdiam sejenak.

Dipetik daripada novel *Sejambak Bakti*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

5 (a) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan tindakan yang menunjukkan nilai kasih sayang.

[3 markah]

(b) Berikan **dua** persoalan yang terdapat dalam Bahan 1.

[3 markah]

(c) Guru memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan murid.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan menghargai jasa guru?

[4 markah]